

ASEAN sepakat tangani isu global

Oleh G. MANIMARAN
(WARTAWAN UTUSAN)

KETIKA Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 diadakan pada Disember lalu di Kuala Lumpur, anggota badan serantau ini gem-bira melihat perkembangan positif di rantau Asia Barat. Sidang kemuncak tersebut diadakan tiga bulan setelah Israel keluar dari wilayah Palestin selepas 38 tahun mendudukinya. ASEAN menyambut baik perkembangan tersebut dengan harapan ia akan membawa keamanan berkekal di Asia Barat kerana konflik Israel-Palestin telah menjadi isu geopolitik dunia yang kritikal.

Pada hari ini suasana yang bertentangan tercetus ketika ASEAN mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Ke-39. Suasana di Asia Barat semakin teruk, lebih menyedihkan dan menyentuh perasaan majoriti warga ASEAN dan juga dunia pada keseluruhan.

Israel yang keluar dari wilayah Palestin bukan sahaja mencerooboh semula wilayah Palestin, malah meluaskan serangannya di selatan Lebanon.

Dalam tempoh lima tahun ini, empat negara di rantau tersebut terus dilanda konflik demi konflik yang kemungkinan besar tidak akan memperlihatkan kesudahan, sebaliknya akan bertambah rumit. ASEAN juga tidak ketinggalan da-



**MESYUARAT
MENTERI-MENTERI
LUAR ASEAN KE-39**

24-28 JULAI 2006
KUALA LUMPUR

lam menyatakan pendirian tegas dalam soal ini.

Perkembangan di Genting Gaza dan selatan Lebanon mungkin boleh disifatkan kebetulan berlaku ketika Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Ke-39 diadakan. Jadual awal persidangan mungkin tidak menyenaraikan kedua-dua isu ini sebagai agenda utama perbincangan. Oleh kerana ia

kembali muncul, maka ASEAN menjadikannya antara fokus utama supaya ia mendapat perhatian antarabangsa.

ASEAN tidak boleh dipisahkan daripada kesan konflik-konflik antarabangsa dan dunia luar. ASEAN tidak mahu campur tangan dalam isu-isu negara lain, tetapi mahu isu-isu yang timbul diselesaikan demi kepentingan ramai dan bersama.

Dalam kenyataan khusus mengenai konflik Asia Barat yang dikeluarkan kelmarin, ASEAN melahirkan kekecewaan kerana masyarakat antarabangsa gagal dalam menangani perkembangan di rantau Asia Barat dengan segera.

ASEAN yakin konflik Asia Barat akan segera diselesaikan supaya ia tidak menjejaskan ketenteraman dan keamanan serantau dan sejagat. ASEAN mem-

punyai peranan penting dalam memastikan keamanan wilayah-wilayah di luar rantau ini turut terpelihara.

Sememangnya ASEAN sebagai badan berkecuali yang mementingkan keamanan dan menolak penggunaan kekerasan mempunyai peranan tersendiri dalam mengajak dan menggesa masyarakat antarabangsa memainkan peranan kritikal bagi menyelesaikan apa jua konflik dan krisis yang berlaku.

Sepanjang empat dekad sejak penubuhannya, ASEAN telah memainkan peranan penting bagi menyuarakan kepentingan umum, antaranya dalam soal keamanan Indo-China, perjuangan Palestin, dan perang Bosnia serta banyak lagi.

Justeru, ASEAN dijangka melakukan perkara yang sama dalam isu terbaru di rantau Asia Barat ini.

Jika ketika Sidang Kemuncak ASEAN Disember lalu, negara-negara ASEAN telah menyaksikan 'perbalahan' antara Jepun, China dan Korea Selatan, kali ini tumpuan diberi kepada Jepun dan Korea Utara khususnya dalam isu berkaitan dengan tindakan ujian peluru berpandu oleh Pyongyang baru-baru ini.

Permusuhan yang melibatkan Korea Utara dan Jepun itu berlarutan sehingga Majlis Keselamatan bertindak dan Tokyo pula mahu mengenakan sekatan ekonomi. Selepas isu kontroversi nuklear Korea Utara, kini ujian peluru berpandu juga 'duduk' di meja perbincangan ASEAN.

Di peringkat rantau ini tiada konflik

um-27/7/2006
besar yang berlaku kecuali yang melibatkan krisis di selatan Thailand dan di selatan Filipina. Isu pembaharuan politik dan ekonomi Myanmar bukan konflik serantau yang besar kecuali memerlukan komitmen menyeluruh daripada kerajaan tentera junta Myanmar untuk mengubah persepsi masyarakat luar dengan membawa perubahan yang dijanjikan.

Berbanding 40 tahun yang lalu, kini ASEAN bukan sahaja telah menambah anggotanya, malah ia telah menjalin hubungan menyeluruh dan luas membabitkan banyak negara: Menerusi ASEAN+3, ASEAN+6, dan Forum Serantau ASEAN (ARF).

Justeru, ia memperlihatkan bahawa ASEAN mempunyai hubungan yang lebih luas dan kedudukan ini boleh digunakan untuk mengetengahkan isu-isu yang berlaku dari semasa ke semasa. Oleh itu, suara ASEAN untuk melihat penyelesaian konflik Asia Barat dan apa jua isu yang wujud dari semasa ke semasa amatlah penting.

Bagi ASEAN, pertemuhan kali ini khususnya Mesyuarat ARF esok merupakan satu lagi peluang terbaik untuk menyatakan pendirian tegas badan serantau ini supaya kuasa-kuasa Barat tampil menyelesaikan konflik Asia Barat.

Umumnya, ASEAN meskipun kecil dari segi keanggotaan, tetapi suaranya dalam isu-isu global sentiasa mendapat perhatian dunia dan masyarakat antarabangsa.